

# Hadiah raya orang Batu Pahat

Jambatan Parit Pekeling dijangka siap menjelang Aidilfitri, bantu atasi kesesakan

**BATU PAHAT** - Pertambahan pengguna jalan raya di daerah ini, termasuk yang menggunakan Jalan Peserai telah menyebabkan jalan itu semakin sesak terutama yang melalui Jambatan Parit Keliling, yang dibina puluhan tahun lalu.

Namun keadaan itu bakal berubah menjelang Aidilfitri ini dan ia boleh diibaratkan 'hadiah hari raya' untuk warga Batu Pahat serta Parlimen Parit Sulong setelah jawapan kepada kesesakan terbabit dijangka siap sebelum hari lebaran.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Jalan Peserai menghubungkan Jalan Muar dan juga Jalan Bakau Chondong, yang digunakan sebagai jalan utama, selain status jalan terbabit merupakan jalan persekutuan.

Katanya, pengguna jalan raya yang mahu ke Pontian, Rengit dan juga Senggarang akan menggunakan jalan itu begitu juga mereka yang mahu ke Muar serta Melaka, malah penduduk sekitar menjadikan Jalan Peserai juga Jambatan Parit Pekeling sebagai laluan utama untuk kelebih raya.

"Oleh itu, pihak kementerian telah meluluskan untuk menaik taraf jambatan sedia ada di sini dengan jambatan baharu untuk keselesaan pengguna, yang sebelum ini terganggu ketika waktu puncak dan musim perayaan.

"Pelaksanaan projek naik taraf ini yang berhampiran Sungai Parit Keliling merupakan satu projek naik taraf menggantikan jambatan sedia ada yang sudah tidak lagi sesuai serta tidak mampu menampung trafik yang semakin banyak.

"Penggantian jambatan ini melibatkan kos sebanyak RM7.68 juta yang dimulakan pada 13 Januari 2016 dan dijangka siap pada 13 Jun 2017, atau selama 18 bulan," katanya.



Fadillah ketika meninjau proses kerja naik taraf Jambatan Parit Keliling, semalam.

Beliau berkata sedemikian semasa lawatan kerja melihat kerja-kerja pembinaan dan naik taraf Jambatan Parit Keliling yang dimuatkan dalam program Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan, Kementerian Kerja Raya.

Lawatan kerja itu turut disertai Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Dr Noraini Ahmad; Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Han Ramin dan Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Batu Pahat, Alias Mohd Zin.

Tambah Fadillah lagi, projek naik taraf ini dilaksanakan oleh kontraktor tempatan, Mufasirin Bina Sdn Bhd dan ketika lawatan ini dilakukan, pembinaan telah siap melebihi 81 peratus keseluruhannya.

Katanya, skop kerja yang dilakukan dalam menaik taraf Jambatan Parit Keliling merangkumi beberapa aspek yang melalui tiga peringkat iaitu sebelum kerja dimulakan, semasa proses naik taraf dan selepas



Pandangan dari udara Jambatan Parit Keliling di Jalan Peserai yang hampir siap untuk digunakan.

siap proses berkenaan.

"Aspek dan skop kerja yang diberi perhatian ialah perkara umum, pembersihan tapak dan kerja perrobohan jambatan, kerja tanah, kerjalongkang, kerja turapan serta menyediakan perabot jalan.

"Selain itu, semasa projek naik taraf ini dijalankan beberapa skop perlu diambil berat seperti struktur kerja jambatan, pengurusan trafik dan kawalannya, kerja perlindungan alam sekitar, kerja rutin

penyelenggaraan dan kuantiti kerja sementara.

"Sementara itu, apabila siap nanti dan sudah boleh digunakan, pihak kita tidak akan lepas tangan begitu sahaja apabila kita akan terus memantau keadaan jambatan berkenaan sama ada ia mengalami masalah atau terus selamat untuk digunakan," katanya.

## Penduduk tempatan bakal terima limpahan

Apabila siap kelak Jambatan Parit Keliling ini, yang dijangka pada pertengahan Jun, ia bakal memberikan manfaat kepada penduduk setempat yang menjadikan jambatan berkenaan sebagai platform kegiatan ekonomi masing-masing.

Ini berikutan di kawasan Parlimen Parit Sulong dan Batu Pahat ini, terkenal dengan industri kecil sederhana (IKS) serta beberapa hidangan popular dalam kalangan pengunjung luar yang ada di daerah ini.

Menurut Noraini, antara kesan yang paling ketara dialami penduduk di kawasan Peserai, Kampung Bintang, Simpang Lima, Semerah dan tidak ketinggalan yang berada di bandar Batu Pahat sendiri.

Katanya, mengikut kajian yang dijalankan setiap hari sebanyak 209,461 kenderaan menggunakan Jambatan Parit Keliling ini untuk tujuan harian mereka, sama ada ke pusat bandar Batu Pahat atau ke daerah berhampiran seperti Pontian serta Muar.

"Malah mereka yang berada di sebahagian kawasan Muar akan menggunakan Jalan Peserai dan

jambatan ini untuk ke Parit Raja, Ayer Hitam serta Kluang yang mempunyai beberapa institut pengajian tinggi (IPT).

"Saya juga percaya pembinaan jambatan ini adalah sebagai persediaan awal untuk menampung limpahan kenderaan, apabila di daerah ini bakal mempunyai sebuah stesen keretapi laju (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura," katanya.

Menurutnya lagi, pembinaan serta naik taraf jambatan itu juga bakal mempromosikan semula Jalan Persekutuan, yang mempunyai pelbagai tempat persinggahan yang menarik sebagai jalan pilihan utama kepada pengguna.

Katanya, sebagai contoh, Batu Pahat mempunyai pelbagai tempat persinggahan menarik terutama tempat makan terkenal seperti nasi beriyani, mi racun, asam pedas dan beberapa produk IKS seperti kerpek ubi pedas.

"Dengan pelebaran jambatan ini, masalah kesesakan akan dapat diatasi dan secara tidak langsung bakal merancakkan ekonomi kawasan setempat setelah pengguna jalan raya menggunakan jalan berkenaan dan secara tidak langsung akan singgah di beberapa lokasi tumpuan."

"Selain jambatan di sini (Jambatan Parit Keliling), kita juga sedang menunggu projek pembangunan seterusnya yang melibatkan Jambatan Sungai Nibong, yang dinaik taraf pada hujung tahun ini dan sebuah jambatan baharu yang menghubungkan Jalan Peserai dan Jalan Parit Jalil.

"Kedua-dua jambatan berkenaan akan dibina pada penghujung tahun ini dan dijangka siap dalam masa dua hingga lima tahun," katanya.



Alias (kiri) memberikan penerangan berkaitan kerja naik taraf Jambatan Parit Keliling, di Jalan Peserai kepada Fadillah (kanan) sambil diperhatikan oleh Noraini.



Fadillah menerima cenderahati berupa replika Jambatan Parit Keliling, daripada wakil kontraktor pembinaan jambatan.